

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. WONG CHEN [KELANA JAYA]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan angka sebenar jumlah isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah RM2,000 di antara RM2,001 hingga RM3,000 dan seterusnya sehingga RM100,000.00 ke atas, daripada segi bangsa dan untuk setiap negeri berdasarkan Kajian Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (PPIR / KA) merupakan penyiasatan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dua kali dalam tempoh 5 tahun.

Dapatan daripada penyiasatan yang dilaksanakan pada tahun 2014 mendapati bahawa bilangan isi rumah Malaysia yang berpendapatan di bawah RM2,000 adalah 783.8 ribu iaitu mewakili 11.7 peratus dari keseluruhan isi rumah Malaysia. Statistik ini menunjukkan penurunan yang ketara berbanding penyiasatan yang dijalankan pada tahun 2012, di mana bilangan isi rumah Malaysia yang berpendapatan di bawah RM2,000 adalah 1.4 juta atau 22.6 peratus dari keseluruhan isi rumah pada tahun tersebut. Manakala bilangan isi rumah yang berpendapatan RM10,000 dan ke atas pula telah meningkat pada tahun 2014 berbanding tahun 2012 iaitu daripada 9.7 peratus isi rumah kepada 13.7 peratus.

Taburan yang sama juga dapat dilihat pada analisa mengikut etnik iaitu berlaku penurunan peratusan isi rumah di dalam kumpulan pendapatan RM2,000 dan ke bawah dan peningkatan dalam peratusan bagi isi rumah dalam kumpulan pendapatan RM10,000 dan ke atas. Pada tahun 2014, peratusan isi rumah mengikut etnik dengan pendapatan RM2,000 dan ke bawah telah menurun daripada 26.3 peratus kepada 13.6 peratus bagi etnik Bumiputera, daripada 13.8 peratus kepada 7.5 peratus bagi etnik Cina dan daripada 20.2 peratus

kepada 9.8 peratus bagi etnik India. Dalam tempoh yang sama, peratusan isi rumah mengikut etnik dengan pendapatan RM10,000 dan ke atas juga telah meningkat kepada 10.8 peratus bagi Bumiputera, 21.5 peratus bagi etnik Cina dan 13.8 peratus etnik India. Tren peningkatan yang sama juga dapat dilihat bagi analisis mengikut negeri.

**Jadual 1:**  
**Bilangan dan peratus isi rumah mengikut selang kelas pendapatan, Malaysia, 2009, 2012 dan 2014**

| Kelas Pendapatan (RM) | 2009                  |              | 2012                  |              | 2014                  |              |
|-----------------------|-----------------------|--------------|-----------------------|--------------|-----------------------|--------------|
|                       | Bil. Isi Rumah ('000) | Peratus (%)  | Bil. Isi Rumah ('000) | Peratus (%)  | Bil. Isi Rumah ('000) | Peratus (%)  |
| Di bawah 2,000        | 2,014.6               | 33.5         | 1,449.1               | 22.6         | 783.8                 | 11.7         |
| 2,000-2,999           | 1,163.4               | 19.3         | 1,016.8               | 15.9         | 843.7                 | 12.6         |
| 3,000-6,999           | 2,046.6               | 34.0         | 2,651.7               | 41.6         | 3,211.7               | 48.1         |
| 7,000-9,999           | 442.1                 | 7.3          | 651.3                 | 10.2         | 925.4                 | 13.9         |
| 10,000 dan ke atas    | 357.8                 | 5.9          | 615.5                 | 9.7          | 912.2                 | 13.7         |
| <b>Jumlah</b>         | <b>6,024.5</b>        | <b>100.0</b> | <b>6,384.4</b>        | <b>100.0</b> | <b>6,676.8</b>        | <b>100.0</b> |

**Jadual 2 (i hingga iii):**

**Peratus isi rumah mengikut selang kelas pendapatan dan etnik, Malaysia, 2009, 2012 dan 2014**

**(i) Bumiputera**

| Kelas Pendapatan (RM) | Taburan Peratus Isi Rumah (%) |              |              |
|-----------------------|-------------------------------|--------------|--------------|
|                       | 2009                          | 2012         | 2014         |
| Di bawah 2,000        | 38.4                          | 26.3         | 13.6         |
| 2,000-2,999           | 19.5                          | 17.8         | 14.5         |
| 3,000-6,999           | 31.2                          | 39.7         | 48.5         |
| 7,000-9,999           | 6.3                           | 8.8          | 12.6         |
| 10,000 dan ke atas    | 4.5                           | 7.4          | 10.8         |
| <b>Jumlah</b>         | <b>100.0</b>                  | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |

(ii) Cina

| Kelas Pendapatan (RM) | Taburan Peratus Isi Rumah (%) |              |              |
|-----------------------|-------------------------------|--------------|--------------|
|                       | 2009                          | 2012         | 2014         |
| Di bawah 2,000        | 21.8                          | 13.8         | 7.5          |
| 2,000-2,999           | 18                            | 10.7         | 7.7          |
| 3,000-6,999           | 40.7                          | 46.1         | 46.0         |
| 7,000-9,999           | 10.2                          | 14.0         | 17.3         |
| 10,000 dan ke atas    | 9.3                           | 15.4         | 21.5         |
| <b>Jumlah</b>         | <b>100.0</b>                  | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |

(iii) India

| Kelas Pendapatan (RM) | Taburan Peratus Isi Rumah (%) |              |              |
|-----------------------|-------------------------------|--------------|--------------|
|                       | 2009                          | 2012         | 2014         |
| Di bawah 2,000        | 30.9                          | 20.2         | 9.8          |
| 2,000-2,999           | 21.9                          | 16.5         | 12.1         |
| 3,000-6,999           | 34.6                          | 43.8         | 51.0         |
| 7,000-9,999           | 6.5                           | 9.3          | 13.3         |
| 10,000 dan ke atas    | 6.1                           | 10.2         | 13.8         |
| <b>Jumlah</b>         | <b>100.0</b>                  | <b>100.0</b> | <b>100.0</b> |

**Jadual 3 :****Peratus isi rumah mengikut selang kelas pendapatan dan negeri, Malaysia, 2012 dan 2014****(i) 2012**

| <b>Negeri</b>    | <b>Kelas pendapatan (RM)</b> |                    |                    |                    |                           | <b>Jumlah</b> |
|------------------|------------------------------|--------------------|--------------------|--------------------|---------------------------|---------------|
|                  | <b>Di bawah 2,000</b>        | <b>2,000-2,999</b> | <b>3,000-6,999</b> | <b>7,000-9,999</b> | <b>10,000 dan ke atas</b> |               |
| Johor            | 19.6                         | 17.2               | 46.6               | 9.6                | 7.0                       | <b>100.0</b>  |
| Kedah            | 33.8                         | 22.0               | 35.5               | 5.7                | 3.0                       | <b>100.0</b>  |
| Kelantan         | 42.5                         | 21.5               | 27.6               | 4.9                | 3.5                       | <b>100.0</b>  |
| Melaka           | 15.8                         | 15.2               | 52.1               | 10.2               | 6.7                       | <b>100.0</b>  |
| Negeri Sembilan  | 18.6                         | 17.2               | 48.8               | 9.7                | 5.7                       | <b>100.0</b>  |
| Pahang           | 25.1                         | 22.9               | 42.2               | 6.1                | 3.7                       | <b>100.0</b>  |
| Pulau Pinang     | 16.1                         | 14.8               | 48.2               | 11.4               | 9.5                       | <b>100.0</b>  |
| Perak            | 36.4                         | 19.8               | 34.5               | 5.5                | 3.8                       | <b>100.0</b>  |
| Perlis           | 41.3                         | 19.6               | 27.7               | 6.3                | 5.1                       | <b>100.0</b>  |
| Selangor         | 8.2                          | 10.0               | 46.5               | 16.5               | 18.8                      | <b>100.0</b>  |
| Terengganu       | 32.4                         | 16.4               | 38.4               | 7.0                | 5.8                       | <b>100.0</b>  |
| Sabah            | 33.5                         | 18.0               | 33.6               | 8.7                | 6.2                       | <b>100.0</b>  |
| Sarawak          | 31.4                         | 17.1               | 35.9               | 8.0                | 7.6                       | <b>100.0</b>  |
| W.P Kuala Lumpur | 6.2                          | 6.6                | 48.2               | 15.8               | 23.2                      | <b>100.0</b>  |
| W.P Labuan       | 11.9                         | 10.6               | 45.1               | 17.3               | 15.1                      | <b>100.0</b>  |
| W.P Putrajaya    | 1.2                          | 2.5                | 51.3               | 20.2               | 24.8                      | <b>100.0</b>  |

(ii) Peratus isi rumah mengikut selang kelas pendapatan dan negeri, Malaysia, 2014

| Negeri           | Kelas pendapatan (RM) |             |             |             |                    | Jumlah |
|------------------|-----------------------|-------------|-------------|-------------|--------------------|--------|
|                  | Di bawah 2,000        | 2,000-2,999 | 3,000-6,999 | 7,000-9,999 | 10,000 dan ke atas |        |
| Johor            | 5.0                   | 8.7         | 56.7        | 20.2        | 9.4                | 100.0  |
| Kedah            | 17.5                  | 22.0        | 45.3        | 8.3         | 6.9                | 100.0  |
| Kelantan         | 31.4                  | 23.4        | 33.5        | 6.5         | 5.2                | 100.0  |
| Melaka           | 4.3                   | 8.8         | 52.1        | 16.5        | 10.9               | 100.0  |
| Negeri Sembilan  | 12.0                  | 12.7        | 55.5        | 11.1        | 8.7                | 100.0  |
| Pahang           | 17.9                  | 23.5        | 44.3        | 8.6         | 5.7                | 100.0  |
| Pulau Pinang     | 8.9                   | 8.9         | 56.5        | 13.5        | 12.2               | 100.0  |
| Perak            | 21.3                  | 17.9        | 47.1        | 8.6         | 5.1                | 100.0  |
| Perlis           | 15.0                  | 22.4        | 48.3        | 8.0         | 6.3                | 100.0  |
| Selangor         | 3.1                   | 5.8         | 47.6        | 18.5        | 25.0               | 100.0  |
| Terengganu       | 15.4                  | 13.2        | 54.5        | 9.1         | 7.8                | 100.0  |
| Sabah            | 18.7                  | 17.8        | 44.3        | 10.5        | 8.7                | 100.0  |
| Sarawak          | 19.3                  | 16.3        | 44.5        | 10.8        | 9.1                | 100.0  |
| W.P Kuala Lumpur | 1.4                   | 3.4         | 40.0        | 20.2        | 35.0               | 100.0  |
| W.P Labuan       | 4.2                   | 11.6        | 44.6        | 15.9        | 23.7               | 100.0  |
| W.P Putrajaya    | 0.6                   | 1.5         | 43.2        | 24.9        | 29.9               | 100.0  |

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN**

**[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 63**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang di hadapi oleh FELDA Global Venture Holdings dengan kejatuhan harga minyak kelapa sawit di pasaran.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun harga minyak sawit mentah (MSM) dunia mencatatkan kejatuhan ketara pada tahun ini, FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) masih mencatatkan keuntungan bagi suku pertama untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2015.

Keuntungan FGV menyusut bagi tempoh berkenaan dan perkara sama turut dialami oleh majoriti syarikat perladangan di Malaysia melalui keputusan kewangan yang diumumkan baru-baru ini.

Harga purata MSM yang dicatatkan FGV dalam tempoh tiga bulan pertama 2015 adalah RM2,279 per metrik, jatuh 12 % berbanding RM2,584 per metrik tan pada 2014. Sehingga Mei 2015, harga MSM hanya berlegar di bawah paras RM2,200 per metrik tan.

Bagi suku pertama 2015, perolehan FGV jatuh 20.4 % kepada RM2.96 billion berbanding tempoh sama tahun lalu. Keuntungan operasi kumpulan jatuh 65 % kepada RM128,112 disebabkan oleh harga MSM yang rendah. Manakala keuntungan selepas cukai pula jatuh 85.8 % kepada RM29,737 untuk tempoh sama.



Untuk mengimbangi gaya kejatuhan harga MSM dunia, FGV telah merangka beberapa perancangan baharu seperti mengurangkan kos operasi di peringkat ladang dengan pengenalan mekanisma baharu, penstrukturan anak syarikat dan mewujudkan syarikat perdagangan baharu bagi mengurangkan risiko serta menjana keuntungan. Setakat ini, perancangan tersebut telah menunjukkan kesan yang cukup baik kepada FGV.

Sekian, terima kasih.